

Menanti buku laporan masyarakat Melayu

RABU depan kita bakal menyambut Hari Raya. Lazimnya, Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwah Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, akan menyampaikan ucapan pada Majlis Hari Raya di Istana yang melaporkan kemajuan masyarakat Melayu/Islam sepanjang setahun lalu sambil mengumumkan program baru.

Apakah agaknya perutusannya kali ini sedang dunia mengalami krisis kewangan?

Sekurang-kurangnya dua isu yang diketengahkan dalam dua makalah yang diterbitkan baru-baru ini (Encik Noor A. Rahman, "MBBF perlu anjakan paradigma baru", *Berita Harian*, 23 Ogos 2008; dan Encik Farhan Ali dan Cik Hidayah Amin, "Kesihatan pranatal dan masa depan masyarakat Melayu/Islam", *Karyawan*, Jilid 9 Isu 1, Julai 2008), menarik perhatian ramai.

Makalah pertama mempersoal keberkesanan paradigma yang ada dalam mengurus MBMF. Menurut penulisnya, ia sudah lapuk dan perlu diubah sesuai dengan konteks semasa dan demi

menyahut keperluan jangka panjang.

Berdasarkan maklum balas pembaca, wartawan, Encik Noor A. Rahman, menyarankan agar satu peruntukan MBMF dilaburkan. Ini demi meraih pulangan. Jadi, MBMF tidak hanya bergantung pada rayuan agar orang ramai menambah sumbangan dek kenaikan kos bagi program-program dalam Islam di sini. Hujah penulis, pendekatan sekarang tidak akan pernah cukup dan rayuan derma pula pasti ada batasnya.

Ada kebimbangan bahawa tujuan menyalurkan sebahagian dana itu bagi peningkatan pendidikan agama tidak akan memberi manfaat kepada semua madrasah. Padahal sumbangan kepada MBMF datang daripada semua pihak dalam masyarakat.

Turut dipersoalkan ialah kebijakan menggunakan peruntukan khas MBMF bagi membantu keluarga pincang (melalui Yayasan Mendaki). Sebabnya, keluarga pincang merupakan agenda nasional atau urusan pemerintah. Jadi, wajarlah ia memanfaatkan sumber kewangan masyarakat Melayu/Islam yang



PANDANGAN
MAAROF SALLEH

Penulis Khas

memang kecil?

Makalah kedua pula mempertikai dasar atau kebijakan pendekatan dan strategi yang ada kini dalam usaha meningkatkan keupayaan pendidikan anak Melayu/Islam yang dilihat tidak menampilkan banyak hasil.

Menggunakan butiran MOE (2007), dua penulis makalah ini, Encik Farhan Ali dan Cik Hidayah Amin, calon sarjana dan juga aktivis Angkatan Karyawan Islam (AMP) Muda, menunjukkan betapa pelajar Melayu masih lagi ketinggalan dari segi pencapaian akademik mereka, baik dari segi jumlah mata pelajaran mahupun keemasan tinggi.

Bagi mereka, puncanya ialah penggunaan pendekatan atau strategi yang salah.

Pertama, pendekatan sekarang, walaupun me-

ngambil kira kaitan 'sebab' dan 'kesan', tidak jelas dalam menentukan antara kedua-duanya. Misalnya, dalam hubungan antara motivasi ibu dan pencapaian anak, tidak jelas mana sebab dan mana kesan. Kekaburan seperti ini hanya boleh diatasi menerusi kajian jangka panjang.

Kedua, kesalahan andaian yang mengaitkan kelemahan dalam sesuatu bidang (misalnya matematik) dengan kekurangan bakat atau keyakinan diri dalam bidang itu.

Fakta pula menunjukkan kelemahan pelajar Melayu/Islam mencakupi semua bidang. Dari segi subjek matematik, terdapat penurunan pencapaian anak Melayu sepanjang sedekad lalu.

Dua penulis itu menyarankan strategi daripada asas iaitu menjaga kesihatan pranatal atau ibu yang hamil.

Hujah mereka, penjagaan kesihatan kandungan dan penjagaan susunan bayi terbukti memberi kesan langsung terhadap pencapaian bayi (atau anak) apabila membesar atau mendewasa. Pendekatan ini menunjukkan dengan tepat kaitan antara sebab dan kesan ke-

pada keupayaan pendidikan anak-anak.

Para ibu Melayu didapati membentuk peraturan yang tinggi apabila berdepan masalah berkaitan penjagaan ketika hamil, seperti menghidapi anemia (kurang zat besi), berusia muda ketika hamil, ibu tunggal atau pernah menjalani penguguran – semua faktor yang menyebabkan bayi lahir dengan berat badan rendah yang menjejaskan keupayaan mental mereka kelak.

Kedua-dua penulis merumuskan supaya kesedaran kesihatan pranatal masyarakat Melayu dipertingkatkan dan kesan kepada masalah itu dikurangkan. Tanpa pendekatan baru ini, hujah mereka, masalah kesihatan di kalangan bayi masyarakat Melayu/Islam akan terus meruncing – menjejaskan potensi anak Melayu/Islam dalam pendidikan dan kerjaya.

Isu yang dibawa kedua-dua makalah itu, meskipun berbeza, mempunyai fokus yang sama. Iaitu, peneraju utama program kemajuan masyarakat perlu menyepak pendekatan dan strategi yang ada sekarang demi menghasilkan

keajaiban yang lebih besar dan berkesan.

Encik Noor tidak banyak memberikan perincian mengenai perubahan cara MBMF ditadbir dalam konteks semasa. Namun, himbauannya agar anjakan paradigma dalam mengurus dana masyarakat yang besar seperti MBMF, wajar difikirkan.

MBMF ialah dana masyarakat. Demi masalah jangka panjang masyarakat dalam bidang-bidang yang strategik, mestilah dilembagakan pentadbirannya dalam sebuah struktur yang lebih telus dan profesional. Para anggota yang mengurusnya pula harus terdiri daripada para pakar dan dihormati masyarakat serta diyakini boleh mewakili kepentingan atau masalah mereka.

Keadaan kini sudah jauh berbeza ketika dana ini diasaskan lebih tiga dekad lalu.

Dahulu, kita kekurangan atau tiada pakar langsung. Oleh itu, MBMF dahulu merupakan budi bicara Majlis Umma Islam Singapura.

Kini pula, bilangan orang berpendidikan dan berkepakaran dalam masyarakat semakin ber-

jumlah. Tuntutan baru pula timbul.

Masyarakat kini kian kritikal untuk mengetahui proses membuat keputusan dan siapakah penggubalnya.

Makalah Farhan-Hidayah secara langsung menghimbau kelemahan asas pendekatan atau strategi yang dipakai sekarang yang memakai premis kabur yang tidak berpandukan kajian jangka panjang. Mereka menyarankan suatu yang asas iaitu diutamakan penjagaan kesihatan ibu hamil yang akrab dengan pencapaian mental anak-anak.

Bukan semua pihak dapat menerima dua anjuran ini.

Namun sanggupkah kita menantikan kajian jangka panjang untuk membuktikannya?

Oleh itu, buat masa ini

barisan kepimpinan Melayu dan akar umbi memerlukan dapatan segera dan mudah dihebahkan agar masyarakat yakin untuk terus memberikan sokongan padu.

Soalan yang sama penting ialah apakah struktur pengurusan dan kepimpinan dalam masyarakat Melayu/Islam di sini sekarang cukup fleksibel untuk membolehkan pembentukan idea melalui proses yang sihat dan terbuka?

Oleh itu, kita menanti buku laporan masyarakat Melayu/Islam dan rancangan selanjutnya diumumkan Menteri di Istana nanti.

Semoga sambutan Aidilfitri yang mengungkap makna kemenangan kita keluar daripada pelbagai perangkap kelemahan yang ada dan berubah demi mencapai kejayaan murni dan abadi!

Berita Harian

26 Sept 2008, pg 19